



HAP SENG PLANTATIONS HOLDINGS BERHAD 200701011957 (769962-K)

POLISI PERTANIAN LESTARI

Hap Seng Plantations Holdings Berhad ("HSPHB") mengamalkan prinsip-prinsip & kriteria-kriteria ("P&C") oleh Minyak Sawit Lestari Meja Bulat ("RSPO") sebagai asas amalan kelestarian dan seterusnya adalah berpandukan pada polisi berikut:-

Skop Polisi

Kenyataan Polisi ini digunakan untuk HSPHB dan semua anak-anak syarikatnya. Dalam situasi di mana HSPHB mempunyai kepentingan minoriti, kami berkomited untuk memastikan polisi ini dilaksanakan oleh rakan niaga kami termasuk kontraktor, pembekal, pedagang, pekebun persendirian, pekebun kecil dan rakan usaha sama, serta pelaburan di mana kami tidak mempunyai kepentingan mengawal untuk mematuhi polisi ini dan dengan itu menumpukan pada kebolehsesanan dalam rantai bekalan kami.

1. Tiada Penebangan Hutan, Alam Sekitar dan Biodiversiti

- Tidak akan ada penebangan hutan, tidak ada pembangunan di kawasan yang diklasifikasikan sebagai Stok Karbon Tinggi ("HCS") yang ditakrifkan oleh metodologi pendekatan HCS, atau di kawasan yang mengandungi nilai pemeliharaan yang tinggi ("HCV"). Sebelum mana-mana tempat pengambilan pembangunan, penilaian mantap HCS/HCV akan dilakukan mengikut skim pelesenan penilai HCV, Skim Perlesenan Penilai ("ALS") dan proses jaminan kualiti pendekatan HCS ("HCSA").
- Tidak ada penanaman baru yang didirikan di tanah penduduk setempat di mana dapat ditunjukkan bahawa ada hak hukum, adat atau pengguna, tanpa Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan ("FPIC") mereka. Ini ditangani melalui sistem yang didokumentasikan yang membolehkan mereka dan pihak berkepentingan lain untuk menyatakan pandangan mereka melalui institusi perwakilan mereka sendiri.
- Komitmen untuk memulihkan penukaran tanah ketidakpatuhan.
- HSPHB komited untuk menganalisis trend tahunan pelepasan Gas Rumah Hijau ("GHG") yang dikuantifikasi untuk mengurangkan jumlah dan melaksanakan amalan yang lebih lestari berdasarkan sumber pelepasan GHG mereka yang telah dikenalpastikan. Pelepasan GHG di setiap operasi dan ladang sedia ada akan dikurangkan secara berperingkat ke arah sasaran waktu yang ditetapkan.
- Polisi Pembakaran Sifar yang ketat diamalkan untuk semua operasi.
- Memastikan tidak mendatangkan ancaman terhadap habitat hidupan liar, ekosistem dan alam sekitar.
- HSPHB berkomited untuk mempromosikan pemuliharaan dan pembangunan biodiversiti di dalam kumpulan perladangan kami.
- Melarang memburu, menangkap, membahayakan, mencederakan, memelihara dan membunuh haiwan terutamanya spesies sangat terancam, terancam dan jarang ditemui ("RTE"), termasuk spesies pokok asli.
- Polisi Tiada Penggunaan Racun Paraquat diamalkan.
- HSPHB berkomited untuk mengurangkan dan menghentikan racun perosak yang dikategorikan sebagai Pertubuhan Kesihatan Sedunia Kelas 1A atau 1B atau yang disenaraikan di bawah Konvensyen Stockholm dan Konvensyen Rotterdam.
- Mengurangkan penggunaan bahan kimia, termasuk racun perosak dan baja.

2. Perlindungan Kawasan Tanah Gambut

- Tidak akan ada pembangunan baru di kawasan tanah gambut, tanpa mengira kedalaman.
- Kami adalah berkomited untuk mengamalkan Amalan Pengurusan Terbaik ("BMP") di tanah mineral dan tanah gambut yang sedia ada di ladang kami.
- Di tempat yang didapati tidak sesuai untuk penanaman semula, kami akan bekerjasama dengan pakar-pakar untuk menerokai secara pilihan termasuk penggunaan alternatif mesra alam atau pemulihan tanah gambut.

3. Rantaian Bekalan Kebolehesanan

- HSPHB berkomited untuk memastikan bahawa Tandan Buah Segar ("FFB") sebenarnya datang daripa pembekal FFB yang sah dan bertanggungjawab dan akan terus bekerjasama dengan pembekal-pembekal untuk menambah baik dan meningkatkan lagi mekanisme kebolehesananya.
- HSPHB akan mencapai matlamat ini, dengan tumpuan yang tidak berbelah bahagi kepada penambahbaikan berterusan, melalui pematuhan kriteria kemampunan dan kebolehesanan mengenai RSPO, Minyak Sawit Lestari Malaysia ("MSPO") dan skim pensijilan lain yang setara.

4. Menguruskan Impak Alam Sekitar

- HSPHB berkomited untuk menjalankan penilaian kesan alam sekitar (dengan adanya rancangan pengurusan dan pemantauan) dan memastikan aktiviti tidak membawa sebarang kesan negatif kepada badan air semula jadi terhadap ketersediaan kualiti airnya.
- HSPHB komited untuk menguruskan sisa mengikut keperluan kawal selia yang berkenaan untuk mengurangkan, mengguna semula, mengitar semula atau melupuskan sisa dengan cara yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

5. Memacu Impak Sosio-Ekonomi yang Positif untuk Orang Ramai dan Masyarakat

- HSPHB menghormati, menyokong dan berpegang kepada hak asasi manusia, dan tidak melibatkan diskriminasi terhadap agama, bangsa dan jantina. Hak reproduktif selaras dengan undang-undang negara akan dihormati.
- Kami meletakkan kepentingan besar terhadap budaya individu, adat resam dan bahasa dalam negara / rantau di mana kami beroperasi.
- Kami mengenal pasti kesan sosial melalui komunikasi dengan pihak berkepentingan semasa Jawatankuasa Perundingan Bersama ("JCC") dan meminimumkan kesan melalui penilaian impak sosial.

5.1 Menghormati dan Menyokong Deklarasi Sejagat Hak Asasi Manusia Sejagat

- HSPHB mengiktiraf dan menyokong Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("UN") termasuk larangan pembalasan terhadap Pembela Hak Asasi Manusia ("HRD") selaras dengan Deklarasi Nasional mengenai HRD.
- HSPHB menghormati Deklarasi UN mengenai Hak Asasi Orang Asli.
- Menghormatidan menegakkan hak semua pekerja, termasuk pekerja kontrak, sementara dan migran, dengan konvensyen teras Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia dan prinsip Buruh Bebas dan Adil dalam Pengeluaran Minyak Sawit sebagai panduan.

5.2 Menghormati dan Menyokong Hak Asasi Pekerja

HSPHB adalah berkomited untuk memastikan hak semua pekerja, termasuk pekerja kontrak, pekerja sementara dan pekerja asing, dihormati mengikut undang-undang tempatan, nasional dan antarabangsa yang disahkan dan amalan terbaik antarabangsa akan diguna pakai jika rangka kerja undang-undang belum lagi diamalkan. Adalah menjadi keutamaan kami untuk mematuhi objektif perundangan yang berkaitan dan kewajiban moral untuk mewujudkan, membina dan menggalakkan persekitaran kerja yang harmoni, budaya dan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Prinsip-prinsip berikut berdasarkan elemen-elemen teras yang akan menjadi panduan kepada operasi Kumpulan HSPHB.

(i) Tiada Buruh Kanak-Kanak

HSPHB hendaklah tidak boleh menggaji atau menyokong penggunaan buruh kanak-kanak. Tindakan pemulihan dengan tindakan susulan yang sesuai hendaklah diambil jika terdapat tuntutan kes buruh kanak-kanak ditemui untuk melindungi kebajikan kanak-kanak. Ini termasuk akses menyeluruh terhadap kesihatan, perlindungan sosial, peluang pendidikan yang relevan dengan umur dan perkembangan mereka.

(ii) Tiada Buruh Paksa atau Buruh Terikat

HSPHB hendaklah tidak boleh menggaji atau menyokong penggunaan buruh paksa atau terikat atau memerdagang manusia dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengelakkan penggunaan buruh tersebut terlibat dengan operasi Kumpulan Ladang. Di samping itu juga, tiada sekatan ke atas kebebasan pergerakan pekerja semasa waktu lapang.

HSPHB tidak akan memotong mana-mana bahagian gaji seseorang pekerja melainkan jika diperuntukkan oleh undang-undang dan tidak akan menahan apa-apa harta, kad pengenalan, pasport atau dokumen perjalanan lain tanpa persetujuan mereka terlebih dahulu.

(iii) Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

HSPHB hendaklah berusaha untuk menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat serta mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk melindungi pekerja daripada terdedah kepada bahaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang berkemungkinan menghasilkan sebarang risiko, kecederaan kekal, penyakit atau kematian.

Menyediakan semua pekerja dengan kelengkapan keselamatan, alatan, dan pengangkutan yang selamat pergi dan balik kerja tanpa kos.

Menyediakan latihan dengan kerap dan informasi mengenai amalan dan dasar kesihatan dan keselamatan pekerjaan dalam pelbagai bahasa yang dapat difahami oleh pekerja.

Mendedahkan kepada pekerja mengenai bahan-bahan dan apa-apa risiko kesihatan yang berkaitan dengan mana-mana racun perosak dan baja yang digunakan oleh mereka.

(iv) Kontrak Pekerjaan

HSPHB hendaklah memastikan bahawa pekerja akan diberikan penerangan secara bertulis, dalam bahasa-bahasa yang mereka fahami, tentang tugas-tugas mereka, kadar gaji, waktu bekerja, cuti dan lain-lain manfaat pekerjaan.

(v) Kebebasan Persatuan dan Hak untuk Rundingan Kolektif

HSPHB hendaklah mengiktiraf dan menghormati hak pekerja untuk menyertai Union Kesatuan Pekerja pilihan mereka tertakluk kepada undang-undang negara yang berkaitan.

- (vi) **Peluang Pekerjaan yang Sama**
HSPHB hendaklah memastikan peluang yang saksama di tempat kerja. Pengambilan pekerja, gaji, peluang latihan, kenaikan pangkat, penamatan atau persaraan akan dilaksanakan berdasarkan keperluan perniagaan, keperluan pekerjaan dan kelayakan individu dan tanpa mengambil kira agama, bangsa dan jantina.

Berkomited untuk mengelakkan diskriminasi pekerjaan berdasarkan jantina.
- (vii) **Standard Pendapatan Minimum**
HSPHB hendaklah memastikan semua pekerja dibayar gaji yang sama atau melebihi gaji minimum undang-undang dan dilindungi daripada penyakit-penyakit dan kecederaan-kecederaan yang berkaitan dengan kerja.
- (viii) **Waktu Berkerja**
HSPHB hendaklah memastikan bahawa waktu kerja mematuhi undang-undang negara termasuk jam kerja lebih masa (secara sukarela), dan pekerja mempunyai hari rehat sekurang-kurangnya satu hari setiap minggu.
- (ix) **Rekod Penyimpanan Maklumat**
HSPHB hendaklah mengekalkan rekod waktu bekerja dan upah bagi semua pekerja.
- (x) **Akses kepada Pendidikan**
HSPHB adalah berkemited untuk memastikan anak-anak kakitangan yang tinggal di ladang-ladang diberi akses kepada pendidikan.
- (xi) **Gangguan dan Keganasan**
HSPHB hendaklah tidak bertolak ansur terhadap apa-apa jenis gangguan atau keganasan.
- (xii) **Tatacara Pemberitahuan Maklumat**
HSPHB hendaklah menyediakan saluran bagi semua ahli untuk melaporkan aktiviti haram (iaitu tidak beretika atau menyalahi undang-undang). HSPHB hendaklah tidak boleh mengambil tindakan disiplin, memberhentikan kerja atau mendiskriminasikan mana-mana kakitangan untuk memberi maklumat mengenai aktiviti-aktiviti tersebut.
- (xiii) **Integriti Perniagaan**
HSPHB hendaklah menjalankan perniagaan secara jujur dan beretika, dan mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan.

Melarang semua bentuk rasuah, penyelewengan dan penipuan dana dan sumber.
- (xiv) **Prosedur Penyelesaian Aduan**
HSPHB hendaklah menyediakan satu cara untuk semua kakitangan menyuarkan rasa tidak puas hati mereka mengenai keadaan pekerjaan mereka, tanggungjawab, isu-isu sekerja, peluang kenaikan pangkat serta isu-isu lain yang berkaitan dengan persekitaran kerja.

5.3 Memudahkan Kemasukan Pekebun Persendirian / Pekebun Kecil ke dalam Rantai Bekalan

- HSPHB komited untuk menjalankan perundingan berterusan dengan pekebun kecil, dan bersama-sama dengan pihak berkepentingan lain, memberikan bantuan teknikal dan sokongan kepada pekebun kecil untuk membantu mereka mencapai pematuhan dasar ini.
- HSPHB berkomited untuk menyokong pekebun persendirian / pekebun kecil untuk mencapai persijilan MSPO atau RSPO.

5.4 Menghormati Hak Milik Tanah

HSPHB akan menghormati hak milik undang-undang tanah dan mengiktiraf tugas dan tanggungjawab yang berkaitan dengan hak-hak milik, seperti menghormati perlindungan jangka panjang dan penggunaan tanah dan sumber-sumber negara secara lestari. Ini dilakukan selaras dengan obligasi negara, perlembagaan, undang-undang tempatan dan peraturan-peraturan negara di mana kami beroperasi.

5.5 Menghormati Hak Masyarakat Orang Asli dan Tempatan

HSPHB menghormati hak adat atau hak orang pribumi dan masyarakat setempat dan kami berkomited untuk memastikan pematuhan kepada FPIC ("memberi atau tidak menghalang kebebasan, keutamaan dan persetujuan") dalam semua rundingan sebelum memulakan sebarang operasi-operasi baru di atas tanah yang mereka memegang hak undang-undang, perkauman atau adat. HSPHB akan melibatkan pihak berkepentingan yang berkaitan apabila menjalankan proses FPIC untuk memastikan bahawa proses tersebut dilaksanakan dengan betul.

5.6 Menyelesaikan Aduan dan Konflik Melalui Proses Terbuka, Telus dan Secara Perundingan

HSPHB adalah komited secara aktif dan teratur dengan melibatkan pihak berkepentingan masyarakat, kerajaan, pembekal dan masyarakat sivil. Dalam hal ini, HSPHB telah mengeluarkan proses yang bertanggungjawab mengendalikan semua aduan dengan perundingan dengan pihak berkepentingan tersebut.



AU YONG SIEW FAH
CHIEF EXECUTIVE – GROUP PLANTATIONS

15^{HB} OGOS 2023
TARIKH